

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL : Penggunaan Komputer Dalam Pengurusan Pendidikan Di Kalangan Guru-Guru Sekolah-Sekolah Menengah Di Daerah Tamparuli, Sabah: Satu Tinjauan.

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN: Ogos 2001 – Oktober 2003

Saya, ROSTINA APOK mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan oleh

NORAZLYNNE MOHD. JOHAN @ JACKLYNE

PUSTAKAWAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Penulis: ROSTINA APOK)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:

Tarikh: 29 Jun 2004

(En. Tan Choon Keong)

Tarikh: _____

CATATAN: @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

ROSTINA APOK
PS2001-006(K)-167
22-12-2003



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana atas limpah rahmatNya saya mendapat kekuatan untuk menyiapkan disertasi ini. Sesungguhnya usaha ini tidak mungkin berjaya tanpa bimbingan, kerjasama, dorongan dan kritikan membina pelbagai pihak.

Dengan tulus ikhlas sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada En. Tan Choon Keong yang telah bertungkus lumus memberi bimbingan, saranan, dan teguran yang membina sebagai penyelia kajian ini. Penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada Prof. Dr. Shukery Mohamed, Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial dan Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah. Visi, inisiatif dan usaha gigih mereka telah menjadikan program ini menjadi kenyataan. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah saya di atas segala ilmu dan pengalaman berharga yang telah dicurahkan sepanjang saya mengikuti program ini iaitu: Prof. Madya Dr. Zulkifli Mohamed, Prof. Dr. Abd Majid Isa, Prof. Dr. Mohd Adam Bakar, Prof. Madya Dr. Syed Azizi Wafa, Dr. Sabariah Sharif, Dr. Vincent Pang dan Dr. P. Ambikavathi.

Tidak lupa diucapkan terima kasih kepada seluruh warga pegurusan Sekolah Pendidikan & Pembangunan Sosial dan Pejabat Pusat Pengajian Pascasiswazah Universiti Malaysia Sabah yang telah banyak memberi bantuan di dalam menjayakan program ini.

Terima kasih khusus ditujukan kepada semua pengetua sekolah-sekolah menengah di daerah Tamparuli, guru-guru dan mereka yang terlibat menjayakan kajian ini. Akhir sekali kepada teman-teman seperjuangan kumpulan tiga Program Sarjana Pendidikan (Pengurusan) Universiti Malaysia Sabah. Segala budi dan jasa mereka akan diabadikan selamanya.

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat tahap penggunaan komputer, penyertaan kursus komputer, dan sikap terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan sekolah di daerah Tamparuli. Sejumlah 102 responden yang terdiri daripada guru-guru telah mengambil bahagian dalam soal selidik ini. Penganalisaan data telah dilakukan secara deskriptif dengan menggunakan pemeratusan, kekerapan dan min. Di samping itu ujian- t telah digunakan untuk melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap sikap penggunaan komputer dari segi kelulusan akademik, latihan ikhtisas, pengalaman mengajar, penyertaan kursus, pemilikan komputer dan jantina. Selain daripada itu ANOVA satu hala telah digunakan juga bagi melihat perbezaan tahap penggunaan komputer dari segi pengalaman mengajar. Dapatan kajian menunjukkan tahap penggunaan komputer bagi tujuan pengurusan mencapai 60.8%. Sejumlah 61.8% guru-guru pernah menyertai kursus komputer. Kajian berkaitan sikap responden terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan di sekolah menunjukkan semua responden mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan komputer bagi tujuan pengurusan sekolah. Kajian juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pengalaman mengajar dengan sikap dan tahap penggunaan komputer. Melalui kajian ini, beberapa cadangan telah dikemukakan. Antaranya ialah menyediakan kursus-kursus khas kepada guru-guru khususnya yang telah bertugas lebih 10 tahun kerana kajian mendapati bahawa mereka lemah dari segi penggunaan komputer berbanding mereka yang bertugas 1-3 tahun. Kementerian Pendidikan Malaysia patut mengkaji semula cara pengendalian termasuk kelayakan tenaga pengajar bagi kursus komputer dalam pendidikan yang dikendalikan di maktab-maktab perguruan, menambahkan bilangan komputer yang sesuai dengan nisbah guru-guru di sekolah dan menyediakan juruteknik yang bukan di kalangan guru bagi membaikpulih komputer di sekolah, memberi perisian berkaitan pengurusan sekolah secara percuma dan mewujudkan hubungan rangkaian perkomputeran tempatan. Akhirnya diharapkan kajian ini akan dilanjutkan oleh penyelidik seterusnya bagi mengenalpasti pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan penggunaan komputer di sekolah bagi tujuan meningkatkan kecemerlangan pendidikan di Malaysia.

ABSTRACT

A Study Of Computer Usage In School Management Among Secondary School Teachers In Tamparuli District, Sabah

The main aim of this study is to determine the level of computer usage and its related problems, participation in computer courses and their attitude towards the use of computers in the administration of secondary schools in the district of Tamparuli. This study involved 102 respondents. The survey methodology using the questionnaire was employed in this study. Descriptive statistics using percentages, frequency, mean, t-test and ANOVA One Way were used to determine the significant difference between the academic qualification, professional qualification, teaching experience, participation in course, computer ownership and gender. The findings showed that the level of computer use for administrative purposes was 60.8%. The problems brought forward by the respondents on the use of computers in school were inadequate computer handling skills and the shortage of computers. 61.8% of the teachers had participated in computer courses before. The study showed that respondents had positive attitude towards the use of computers for educational administration. The study also showed that there was a significant relationship between the teaching experience with attitude and level of computer usage. Through this study, a few recommendations were suggested to solve the problems faced by these teachers and administrators of the schools. Among them were the implementation of a special computer courses for teachers who had been teaching more than 10 years. This was due to their low level of computer usage as compared to those teachers with 1-3 years of experience. Apart from that, the Education Minister should revise the implementation of computer courses, increase computers to teachers ratio in schools and prepare technicians for computer maintenance course. Lastly, it is hoped that further researches can be made to identify other variables related to computer usage in schools to improve the academic excellence in Malaysia.

SINGKATAN

ANOVA :	Analysis of Variance
ISF :	Information System In Education
JPN :	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM :	Kementerian Pendidikan Malaysia
LCD :	Liquid Crystal Display
MSC :	Korido Raya Multimedia
PPD :	Pegawai Pendidikan Daerah
SMIS :	School Management Information System
SPM :	Sijil Pelajaran Malaysia
SMPP :	Sistem Maklumat Pengurusan Pendidikan
SPSS :	Statically Package For Social Science



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SINGKATAN	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan Kajian	2
1.3	Matlamat Kajian	4
1.4	Soalan Kajian	4
1.5	Skop Kajian	5
1.6	Kepentingan Kajian	5
1.7	Batasan Kajian	6
1.8	Definisi Operational	6
1.8.1	Komputer	6
1.8.2	Penggunaan Komputer	7
1.8.3	Pengurusan Pentadbiran Guru-Guru	7
1.8.4	Sikap	7
1.8.5	Pembolehubah-Pembolehubah Dalam Kajian	8
1.9	Kesimpulan	10

BAB 2 TINJAUAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	11
2.2	Teori Sikap dan Pembelajaran	12
2.2.1	Teori-Teori Pembelajaran	13
2.2.2	Teori-Teori Ketekalan	14
2.2.3	Teori-Teori Tindakbalas Kognitif	15
2.3	Penggunaan Komputer Dalam Pengurusan Pentadbiran	16
2.4	Tahap Penggunaan Komputer di Malaysia	23
2.5	Masalah Penggunaan Komputer Dalam Pentadbiran Sekolah	29
2.6	Sikap Terhadap Penggunaan Komputer Berdasarkan Kelulusan Akademik, Latihan Ikhtisas, Pengalaman Mengajar Dan Jantina	33
2.7	Tahap Penggunaan Komputer Berdasarkan Pengalaman Mengajar	35
2.8	Kerangka Konsep Kajian	36
2.9	Kesimpulan	37

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	39
3.2	Rekabentuk Kajian	39
3.3	Sampel Kajian	40
3.4	Lokasi Kajian	40
3.5	Instrumen Kajian	41
3.5.1	Kandungan Soal Selidik Set A	41
3.5.2	Kandungan Soal Selidik Set B	42
3.6	Kajian Rintis	46
3.7	Kaedah Penganalisaan Data	46

3.8	Kerangka Model Penyelidikan	47
3.9	Menganalisis Data	48
3.9.1	Min	48
3.9.2	Pemerataan	49
3.9.3	Ujian t	50
3.9.4	Kaedah ANOVA	50
3.10	Kesimpulan	51

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	52
4.2	Analisis Sikap Guru Terhadap Komputer	52
4.2.1	Kerisauan Terhadap Komputer	53
4.2.2	Keyakinan Terhadap Komputer	57
4.2.3	Keseronokan Terhadap Komputer	60
4.2.4	Kesimpulan	63
4.3	Perbezaan Sikap Terhadap Komputer	64
4.3.1	Perbezaan Sikap Terhadap Komputer Dari Segi Kelulusan Akademik	64
4.3.2	Perbezaan Sikap Terhadap Komputer Dari Segi Latihan Ikhtisas	65
4.3.3	Perbezaan Sikap Terhadap Komputer Dari Segi Pengalaman Mengajar	65
4.3.4	Perbezaan Sikap Terhadap Komputer Segi Jantina	66
4.3.5	Perbezaan Sikap Terhadap Komputer Dari Segi Penyertaan Kursus	67
4.3.6	Perbezaan Sikap Terhadap Komputer Dari Segi Pemilikan Komputer	67
4.3.7	Kesimpulan	69

4.4	Tahap Penggunaan Komputer	69
4.4.1	Perbezaan Tahap Penggunaan Komputer Dari Aspek Pengalaman Mengajar	69
4.4.2	Kesimpulan	72

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	73
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	73
5.3	Rumusan	79
5.4	Cadangan	80
5.5	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	82
5.6	Penutup	83

RUJUKAN

84

LAMPIRAN

90

- A** Soal selidik
- B** Surat daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- C** Surat daripada Pengarah Pendidikan Negeri Sabah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Tajuk	Muka Surat
Jadual 3.1	Agihan dan Pulangan Soal Selidik	41
Jadual 3.2	Latarbelakang Responden Kajian	44
Jadual 3.3	Proedur Pengumpulan Data	47
Jadual 3.4	Kaedah Statistik Penganalisaan Data	48
Jadual 3.5	Nilai Skor TahapPenggunaan Komter	49
Jadual 3.6	Nilai Skor Sikap Terhadap Komputer	50
Jadual 4.1	Sikap Terhadap Komputer	53
Jadual 4.2	Taburan Kekerapa Kerisauan Terhadap Komputer	54
Jadual 4.3	Taburan Kekerapan Keyakinan Terhadap Komputer	58
Jadual 4.4	Taburan Kekerapan Keseronokan Terhadap Komputer	61
Jadual 4.5.	Perbezaan Sikap Terhadap Komputer Dari Segi Kelulusan Akademik	64
Jadual 4.6	Perbezaan SikapTerhadap Komputer Dari Segi Latihan Ikhtisas	65
Jadual 4.7	Perbezaan Sikap Terhadap Komputer Dari Segi Pengalaman Mengajar	66
Jadual 4.8	Perbezaan Sikap Terhadap Komputer Dari Segi Jantina	67
Jadual 4.9	Perbezaan Terhadap Komputer Dari Segi Penyertaan Kursus	68
Jadual 4.10	Perbezaan Sikap Terhadap Komputer Dari Segi Pemilikan Komputer	68
Jadual 4.11	Perbezaan Tahap Kecekapan Penggunaan Komputer Dari Segi Pengalaman Mengajar	71

SENARAI RAJAH

Surat	Tajuk	Muka
Rajah 2.1	Hubungan Antara Kepercayaan, Sikap dan Tingkahlaku Terhadap Sesuatu Objek	13
Rajah 3.1	Kerangka Model Penyelidikan	43
Rajah 4.1	Hubungan Antara Pengalaman Mengajar Dengan Tahap Kecekapan Komputer	70



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penggunaan Komputer dikenalpasti sebagai salah satu faktor penting yang membantu mencapai matlamat Pembangunan Pendidikan 2001-2010 (Kementerian Pendidikan, 2002). Penggunaan komputer dalam pendidikan adalah merupakan langkah awal ke arah mewujudkan masyarakat berteknologi selaras dengan hasrat wawasan 2020. Institusi pendidikan adalah wadah terpenting untuk mencapai matlamat tersebut (Wan Mohd Zahid, 1996). Potensi dan kecanggihan teknologi perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Oleh itu, dalam mewujudkan dasar pendidikan bertaraf dunia maka Sekolah Bestari "Smart School" yang merupakan agenda yang terkandung dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) telah dilancarkan pada bulan Ogos 1996 oleh Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamed. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997) dalam *Smart School Flagship Application, The Malaysian Smart School: A Conceptual Blueprint* menyatakan sembilan fungsi Pengurusan Sekolah Bestari (*Smart School Management*) iaitu Pentadbiran Sekolah, Hal Ehwal Pelajar, Sumber Pendidikan, Sumber Luar, Kemudahan, Sumber Manusia, Pengurusan Kewangan, Teknologi dan Keselamatan. Sehubungan itu, persoalan yang timbul ialah sejauh manakah guru-guru sekolah bestari bersedia untuk menghadapi cabaran tersebut.

Penguasaan dan penggunaan komputer dalam pelbagai aspek pengurusan organisasi atau institusi semakin bertambah penting kerana

maklumat yang relevan, tepat dan kemaskini dengan penggunaan komputer dapat meningkatkan keupayaan pengurus untuk bertindak pantas dan berkesan dalam membuat keputusan menghadapi perubahan yang pesat dalam bidang pendidikan, perdagangan dan pelaburan dunia. Penguasaan dalam pengurusan maklumat merupakan faktor penentu terpenting sama ada sesuatu organisasi, bangsa atau negara. Kecekapan urusan pentadbiran adalah merupakan faktor penting dan perlu lebih komprehensif serta berupaya mewujudkan organisasi yang cekap, cepat, tepat dan memenuhi dasar pendidikan negara. Pengurusan pendidikan menerusi sistem maklumat yang canggih dan berkesan dijangka dapat memainkan peranan utama dalam menangani masalah global dan sejagat dalam menuju era abad ke 21 yang serba mencabar. Oleh itu pembangunan sumber manusia yang mampu menguasai dan mempelopori maklumat seawal mungkin dalam sistem pendidikan seperti di kalangan guru-guru dan pelajar-pelajar merupakan satu langkah yang tepat dan berpandangan jauh ke hadapan.

1.2. Permasalahan Kajian

Komputer adalah teknologi terkini yang mempunyai kemampuan tinggi dalam menyelesaikan pelbagai kerja dengan mudah dan cepat, maka komputer sangat sesuai digunakan dalam pelaksanaan kerja yang banyak dan berulang. Menurut Mohamed Rashid (1987), peningkatan beban tugas, kewajipan dalam penyelesaian tugas seperti penyediaan laporan, memo dan dalam masa yang sama mengekal dan mengemaskinikan data statistik untuk keperluan daerah, tempatan, negeri dan peringkat persekutuan menyebabkan guru-guru sekolah mula menggunakan komputer dalam tugas-tugas pengurusan pendidikan. Sebagai satu usaha untuk memodenkan dan meningkatkan kualiti pengurusan,

penggunaan teknologi maklumat dan sistem maklumat dalam sistem pendidikan adalah tidak dapat dielakkan. Tetapi masalahnya amalan dan pengurusan sekolah seperti pengurusan pejabat, kurikulum, hal ehwal pelajar dan kokurikulum di sekolah-sekolah pada masa kini didapati masih menggunakan kaedah konvensional. Justru itu, pembantu tabdir, guru dan pengetua terbeban dengan tugas-tugas pengisian maklumat dan borang berkaitan pengurusan sekolah dari masa ke semasa sedangkan maklumat yang diperlukan adalah sama.

Sistem pengurusan sedia ada masih menggunakan banyak borang dan menimbulkan masalah dalam proses penyimpanan dan dokumentasi. Penggunaan komputer dan sistem berkomputer dalam bidang berkenaan di sekolah pula amat terhad tidak boleh diaplikasikan untuk kegunaan dalaman dan bersifat pungutan data untuk kegunaan pihak atasan seperti Pegawai Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Di samping itu terdapat banyak amalan dalam pengurusan di sekolah tidak sama antara satu sekolah dengan sekolah yang lain. Terdapat sekolah yang tidak mematuhi peraturan atau amalan yang ditetapkan oleh KPM. Mengikut kajian Mohamad Rashid (1987), Rofidah Sahan (1990) dan Mustafa Sidi (1995), penggunaan komputer dalam pengurusan di sekolah-sekolah masih di tahap yang minima.

Pada masa kini banyak penyelidikan tentang penggunaan komputer dalam pendidikan dibuat oleh pengkaji tempatan dan luar negeri namun kebanyakannya tertumpu kepada penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran. Penyelidikan penggunaan komputer dalam pengurusan pendidikan masih kurang dilakukan. Kajian juga banyak dilakukan

dalam pengurusan perniagaan dan korporat. Maka kajian ini adalah untuk melihat amalan-amalan penggunaan komputer dalam pengurusan pendidikan di sekolah pada hari ini di kalangan guru-guru.

1.3. Matlamat Kajian

Fokus kajian ini adalah bidang-bidang pentadbiran dan pengurusan pendidikan yang melibatkan penggunaan komputer di sekolah menengah harian. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti sikap guru-guru sekolah-sekolah menengah di Daerah Tamparuli, Sabah terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan pendidikan. Bagi mencapai tujuan ini, kajian ini juga akan cuba menghuraikan beberapa objektif seperti berikut:

- a. Menenalpasti sikap guru-guru terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan pendidikan.
- b. Menenalpasti perbezaan sikap terhadap penggunaan komputer dari segi kelulusan akademik, ikhtisas, pengalaman mengajar dan jantina.
- c. Menenalpasti perbezaan tahap penggunaan komputer berdasarkan pengalaman mengajar di kalangan guru-guru di Daerah Tamparuli.

Selain itu, matlamat kajian juga adalah untuk melihat sikap guru-guru terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan sekolah di samping penyertaan kursus di kalangan guru-guru tersebut. Setelah mengenalpasti semua permasalahan, pengkaji akan mencadangkan langkah-langkah yang sesuai untuk pelaksanaan komputer dalam pengurusan pendidikan. Sebagai panduan untuk mencapai tujuan dan objektif-objektif kajian ini, berikut dikemukakan beberapa soalan kajian.

1.4. Soalan Kajian

- i. Apakah sikap guru-guru di sekolah-sekolah menengah di Daerah Tamparuli terhadap penggunaan komputer?
- ii. Adakah terdapat perbezaan sikap yang signifikan terhadap penggunaan komputer di kalangan guru-guru sekolah-sekolah menengah di Daerah Tamparuli berdasarkan kelulusan akademik, latihan ikhtisas, pengalaman mengajar dan jantina?
- iii. Adakah wujud perbezaan yang signifikan dari segi tahap penggunaan komputer berdasarkan pengalaman mengajar?

1.5. Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah menengah di Daerah Tamparuli Sabah. Responden kajian ini ialah guru-guru di sekolah-sekolah menengah daerah Tamparuli. Kajian ini terhad kepada pengumpulan data tentang tahap penggunaan komputer di sekolah menengah dan bukan untuk menilai kebaikan atau kelemahan; menilai kejayaan atau kegagalan penggunaan komputer dalam pengurusan mata pelajaran di sekolah menengah. Skop kajian ini juga akan mengkaji tentang sikap guru-guru terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan di sekolah menengah. Sikap yang akan dikaji meliputi dimensi keseronokan, keyakinan dan kerisauan terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan pendidikan. Kajian ini juga ingin memastikan adakah guru-guru sekolah menengah Daerah Tamparuli pernah menyertai kursus atau latihan penggunaan komputer dan apakah kesannya terhadap tahap penggunaan komputer di kalangan mereka.

1.6. Kepentingan Kajian

- i. Belum ada kajian seperti ini yang dijalankan di daerah Tamparuli. Kajian ini diharap dapat membantu Pejabat Pendidikan Daerah Tamparuli dalam merangka program penggunaan komputer secara teratur dan melaksanakan latihan penggunaan komputer selaras dengan dasar kerajaan merealisasikan Sekolah Bestari (*smart school*) secara berperingkat-peringkat menjelang tahun 2010.
- ii. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada pentadbir-pentadbir sekolah dalam memberikan kemudahan kepada guru-guru dalam mengendalikan tugas-tugas pengurusan di sekolah.
- iii. Sebagai panduan kepada guru-guru dalam penggunaan komputer di sekolah.

1.7. Batasan Kajian

Kajian ini merupakan suatu kajian awal. Oleh itu ianya agak terbatas dari segi ruang lingkup, lokasi, tumpuan serta pemilihan pembolehubah-pembolehubahnya. Kajian ini juga adalah untuk memungut data berkaitan tahap penggunaan, masalah penggunaan, penyertaan kursus komputer dan sikap terhadap komputer bukan untuk menilai tentang kejayaan atau kegagalan penggunaan komputer dalam pengurusan sekolah-sekolah yang dikaji. Kajian ini juga terhad kepada guru-guru di sekolah-sekolah menengah di Daerah Tamparuli sahaja.

1.8. Definisi Operasional

1.8.1 Komputer

Fuori (1981) mendefinisikan komputer sebagai memproses data yang dapat melakukan perhitungan besar secara cepat, tanpa campurtangan dari manusia. Blissmer (1986) pula mendefinisikan komputer adalah suatu alat elektronik yang mampu melakukan beberapa tugas seperti menerima input, memproses input tadi sesuai dengan programnya, menyimpan perintah-perintah dan hasil dari pengolahan dan menyediakan output dalam bentuk informasi. Sementara Hamacher *et al.*, (2001) mendefinisikan komputer sebagai mesin penghitung elektronik yang cepat dan dapat menerima informasi input digital, kemudian memprosesnya sesuai dengan program yang tersimpan di memorinya, dan menghasilkan output berupa informasi.

1.8.2 Penggunaan Komputer.

Penggunaan komputer dalam pengurusan pentadbiran guru-guru melibatkan aktiviti-aktiviti menyimpan, menganalisa dan mencetak semua bahan yang berkaitan dengan bidang tugas guru-guru. Juga melibatkan penggunaan pencetak komputer bagi semua bahan yang berkaitan dengan data dan maklumat pendidikan.

1.8.3 Pengurusan Pentadbiran Guru-Guru.

Lim Teh Eng (1986) menyatakan, dalam pentadbiran sekolah, pengurusan dianggap sebagai satu aspek dalam proses mentadbir sesebuah organisasi pendidikan.

1.8.4 Sikap

Menurut Aiken (1980) sikap merupakan kecenderungan untuk bertindak secara positif atau negatif terhadap objek tertentu, situasi, institusi, konsep atau

seseorang. Dalam kajian ini sikap merujuk sikap positif atau negatif terhadap penggunaan komputer.

Sikap positif terhadap komputer merupakan satu reaksi tindakan dan tingkah laku yang menurut dan menerima segala fenomena yang melibatkan aktiviti-aktiviti berasaskan komputer. Individu yang bersikap positif terhadap komputer akan memperlihatkan penglibatan secara aktif, sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran berkomputer. Manakala sikap yang negatif terhadap komputer pula adalah keadaan di sebalik kriteria sikap yang positif. Dimensi sikap guru-guru terhadap komputer yang dikaji adalah dari segi keseronokan, keyakinan dan kerisauan terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan pendidikan.

1.8.5 Pembolehubah-Pembolehubah Dalam Kajian

Dalam kajian ini pembolehubah-pembolehubah bersandar ialah tahap penggunaan dan sikap: keyakinan, keseronokan dan kerisauan. Pembolehubah bebas adalah terdiri daripada kelulusan akademik, latihan ikhtisas, pengalaman mengajar, penyertaan kursus dan pemilikan komputer.

a. Pembolehubah Bersandar

i. Tahap Penggunaan Komputer

Bermaksud kekerapan guru-guru menggunakan komputer dalam melaksanakan bidang tugas pengurusan di sekolah. Bidang tugas guru-guru yang difokuskan ialah pengurusan kurikulum, pengurusan pelajar dan pengurusan kokurikulum.

ii. Sikap Terhadap Komputer

Sikap terhadap komputer bermaksud sikap yang ditunjukkan oleh guru-guru sekolah-sekolah menengah di DaerahTamparuli terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan pendidikan. Sikap ini dapat dilihat melalui

pandangan dan corak respon yang diberikan oleh responden kepada kenyataan yang berkaitan seperti soalan-soalan yang dimuatkan dalam lampiran.

b. Pembolehubah Bebas

i. Kelulusan Akademik

Kelulusan akademik merujuk kepada sama ada responden dalam kajian adalah guru bukan siswazah, sarjana muda atau sarjana.

ii. Latihan Ikhtisas

Latihan ikhtisas adalah latihan yang diterima oleh guru dalam opsyen atau pengkhususannya sama ada di peringkat Sijil Perguruan, Diploma Perguruan atau Ijazah Pendidikan.

iii. Penyertaan Kursus Komputer

Penyertaan kursus komputer adalah berdasarkan sama ada guru-guru pernah menghadiri kursus berkaitan dengan penggunaan komputer seperti pemerosesan perkataan, pangkalan data ataupun grafik.

iv. Pengalaman Mengajar

Pengalaman Mengajar adalah merujuk kepada berapa lama guru tersebut berkhidmat sebagai seorang guru. Ianya dibahagikan kepada empat bahagian iaitu 1-3 tahun, 4-6 tahun, 7-9 tahun dan 10 tahun ke atas.

v. Pemilikan Komputer

Merujuk kepada sama ada responden memiliki komputer peribadi atau tidak memiliki.

vi. Jantina

Jantina sama ada responden lelaki ataupun perempuan.

1.9. Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini menghuraikan perkara-perkara yang menjadi latar belakang kajian ini. Perkara-perkara tersebut ialah berkaitan permasalahan, objektif, persoalan kajian serta kepentingan kajian. Semua aspek-aspek ini telah dihuraikan dengan jelas. Turut juga dibincangkan dalam bab ini ialah batasan kajian, konsep dan operasi serta pembolehubah-pembolehubah yang digunakan untuk menjawab persoalan dalam kajian. Bab yang seterusnya akan menghuraikan tinjauan kajian-kajian yang lepas berkaitan tahap penggunaan komputer, masalah penggunaan komputer dan sikap guru-guru terhadap penggunaan komputer. Juga tentang perbezaan sikap terhadap komputer di antara lelaki dan perempuan.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN

2.1. Pengenalan

Tahun 2000 menandakan kita memasuki era millenium dengan ledakan maklumat dunia tanpa sempadan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Tofler (1980), kini kita berada dalam era baru yang kompleks dan penuh dengan cabaran. Maka, sebagai pendidik, kita mempunyai tanggungjawab untuk membimbing generasi muda membuat, menganalisis dan memproses maklumat dengan cepat dan tepat sebagaimana yang dikatakan oleh Nik Aziz (1996). Dalam konteks ini, khususnya kepada guru-guru, komputer banyak membantu walaupun tidak semestinya dapat menyelesaikan semua masalah.

Kehidupan kita hari ini tidak dapat lari daripada maklumat dan teknologi maklumat dalam menghadapi cabaran masa hadapan. Data diproses menjadi maklumat dan maklumat menghasilkan ilmu pengetahuan dan ilmu pengetahuan merupakan senjata untuk membuat keputusan. Menurut O'Brien (1995), kejayaan Syarikat Coke sangat bergantung kepada kelicinan aliran data dan maklumat dan sistem maklumat Syarikat Coke adalah antara yang paling cepat dan berkesan dalam dunia perniagaan. Kenyataan ini disokong oleh Davis (1993) dan Crawford (1991).

Huntt dan Targett (1995) pula merencanakan beberapa contoh kejayaan pelaksanaan dan pengurusan teknologi maklumat di sektor swasta di Jepun yang seterusnya meningkatkan daya saing syarikat-syarikat yang berkenaan serta membolehkan syarikat-syarikat berkenaan menghadapi berbagai-bagai cabaran untuk terus maju ke hadapan.

Manakala Hammer dan Champy (1994), menegaskan teknologi maklumat memainkan peranan yang penting dalam usaha '*reengineer*' proses perniagaan. Teknologi maklumat bukan untuk menyelesaikan masalah yang sedia ada, malahan ianya adalah untuk mereka dan mencipta proses baru bagi meningkatkan keberkesanan dan produktiviti organisasi secara mendadak.

Bab ini akan membincangkan tentang teori sikap dan juga meninjau lebih lanjut khazanah literatur dan beberapa kajian yang berkaitan dengan fokus penyelidikan ini. Kajian-kajian tersebut ialah kajian dalam dan luar negara berkaitan dengan tahap penggunaan komputer di kalangan guru-guru sekolah, masalah-masalah yang dihadapi dalam penggunaan komputer di sekolah dan sikap guru-guru terhadap penggunaan komputer dalam pengurusan pendidikan.

2.2. Teori Sikap dan Pembelajaran

Sikap telah dikenalpasti sebagai petunjuk ramalan yang penting bagi perbezaan antara individu dalam aplikasi pendidikan, pembelajaran dan pencapaian (Francis, 1993). Banyak kajian tentang sikap yang dibuat oleh ahli-ahli psikologi dan hasil kajian mereka diambil berat oleh ahli-ahli pendidikan kerana impaknya kepada pembelajaran (Simonson, 1995). Pengurusan sikap juga telah digunakan dalam memantau pembelajaran matematik (Dugan dan Thurlow, 1989), Sains (Simpson dan Oliver, 1995) dan agama (Francis 1993).

Dalam pembuatan ukuran terhadap sikap, takrifan dan konsep yang diberikan oleh beberapa aliran pemikiran utama adalah berbeza. Krech, Crutchfield dan Ballackey 1962 (dalam Francis, 1993) yang mewakili aliran pertama menjelaskan bahawa sikap terdiri daripada 3 komponen yang berbeza iaitu afektif, tingkahlaku dan kognitif.